

# Putrajaya guna nama negarawan untuk jalan

BH - 5/11/2007

Oleh Haika Khazi


**P**UTRAJAYA: Perbadanan Putrajaya akan menggunakan ungkapan dalam bahasa Melayu nama negarawan dan bekas Perdana Menteri seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn sebagai nama jalan utama di sekitar Putrajaya, sesuai dengan fungsinya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Presidennya, Tan Sri Samsudin Osman, berkata pendekatan itu penting bagi merealisasikan hasrat Perbadanan Putrajaya yang mahu menukar nama tempat dan jalan di 'Bandar Pintar' ini menggunakan istilah dalam bahasa Melayu sepenuhnya pada masa depan.

Beliau memberi contoh istilah 'Boulevard' dan 'Promenade' yang digunakan di sini, masing-masing sudah ditukar kepada Persiaran Perdana dan Sisiran Putrajaya berkuat kuasa, Jun lalu.

Bagaimanapun, istilah 'Presint' ditekankan kerana perkataan terbabit diterima pakai dalam bahasa Melayu dan dimuatkan dalam Kamus Dewan.

Samsudin berkata, pihaknya sudah menghantar permohonan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan



## Sekitar Putrajaya

bagi menukar nama jalan utama dan memberi nombor (untuk anak jalan) di sekitar daerah ini, dalam tempoh terdekat.

"Contohnya, 'Parcel' dipakai ketika kita membangunkan Putrajaya bagi memudahkan bahagian yang hendak dibangunkan. Maka itulah dipanggil 'Parcel', tetapi lama kelamaan bila tempat ini sudah diberi nama pada bangunan dan jalan, maka nama 'Parcel' ini dengan sendirinya akan hilang," katanya

ketika ditemui di sini, semalam.

Ditanya kenapa pihak jabatan dan agensi kerajaan masih kekal menggunakan perkataan 'Parcel' pada surat menyurat dan sebutan pada acara rasmi, Samsudin berkata, kadang-kala usaha menukarnya mengambil masa berikutan nama cetakan pada kertas rasmi masih ada.

"Oleh kerana sayang hendak habiskan, biar habiskan dulu. Untuk menukar nama pada papan tanda pula mengambil sedikit masa.

"Penggantian bahasa Melayu bagi menggantikan istilah Inggeris di Putrajaya sudah diputuskan, cuma kita perlu ambil masa meletakkan papan tanda baru secara berperingkat-peringkat," katanya.

Beliau yang juga bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN) berkata, pihaknya berharap semua pejabat dan agensi kerajaan akan menggunakan alamat berdasarkan nama baru yang diberikan kepada bangunan atau jalan dalam semua urusan surat-menyurat.

Katanya, proses memberi nama baru kepada jalan di sekitar Putrajaya dibuat Jawatankuasa Istilah dan Penamaan dianggotai pelbagai pihak termasuk Perbadanan Putrajaya, Persatuan Pencinta Sejarah serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).